



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 6 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 6 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **16,394 kes** (993,020 kes kumulatif, 81.1%);
- Kes baharu : **20,889 kes** (1,224,595 kes kumulatif);
- Kes import : **13 kes** (8 warganegara, 5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **20,876 kes** [17,477 warganegara (83.7%); 3,399 bukan warganegara (16.3%)];
- Kes aktif : **221,396 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,096 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **545 kes**;
- Kes kematian : **160 kes** (10,179 kes kumulatif, 0.83%; 142 warganegara, 18 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,863 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **34 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,672 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,191 kluster**.


Daripada **20,889 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **273 kes (1.3 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **20,616 kes (98.7 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, hanya **4,292 kes (20.5 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini mempunyai sejarah imunisasi COVID-19. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI | 6 OGOS 2021



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19



Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **160 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **51 kes** di Selangor, **32 kes** di Johor, **22 kes** di Kedah, **17 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **14 kes** di Negeri Sembilan, enam (**6 kes**) di Pahang, lima (**5 kes**) di Sabah, masing-masing empat (**4 kes**) di Melaka dan Terengganu, tiga (**3 kes**) di Perak, serta dua (**2 kes**) di Pulau Pinang.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T **(STATUS SEHINGGA 5 OGOS 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **5 Ogos 2021**, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.08. Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Kelantan (nilai RT 1.29) diikuti oleh Perak (nilai RT 1.23), dan Pulau Pinang (nilai RT 1.21). Semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Negeri Sembilan, Perlis, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

SITUASI TERKINI KENAIKAN KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pelaporan peningkatan kes COVID-19 di Malaysia adalah seiring dengan peningkatan kes secara global. Di Malaysia, **kadar insiden** tertinggi purata kes tujuh (7) hari (31 Julai 2021 sehingga 6 Ogos 2021) per 100,000 ribu penduduk adalah negeri-negeri berikut:

- 1) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - 105.7
- 2) Selangor - 101.5
- 3) Wilayah Persekutuan Putrajaya - 75.6
- 4) Negeri Sembilan - 71.7
- 5) Melaka - 53.8
- 6) Kedah - 51.8

Peningkatan kes harian yang kian meningkat ini menunjukkan bahawa jangkitan virus COVID-19 sudah menular dalam komuniti. Jumlah kluster juga telah didapati meningkat daripada **286 kluster** dalam tempoh di antara 23 Jun 2021 hingga 6 Julai 2021 kepada **347 kluster** dalam tempoh di antara 7 Julai 2021 hingga 20 Julai 2021, dan seterusnya kepada **401 kluster** dalam tempoh di antara 21 Julai 2021 hingga 1 Ogos 2021. Dalam tempoh yang sama, di dapati bilangan kluster tempat kerja juga telah meningkat dari 180 kluster kepada 204 kluster dan terkini

adalah 213 kluster, manakala bilangan kluster komuniti juga meningkat dari 86 kluster kepada 91 kluster, dan terkini 142 kluster bagi tempoh tersebut. Peningkatan ini adalah susulan dari saringan kontak rapat yang meluas.

Selain itu, tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat menyebabkan ramai yang menjalankan ujian sendiri atau pengesanan COVID-19 apabila bergejala atau mengetahui mereka adalah kontak rapat. Didapati bahawa lebih kurang 70 peratus ujian RTK-Antigen dijalankan oleh agensi swasta.

Peningkatan kes juga dipercayai disumbang oleh penularan varian Delta. Sehingga kini sebanyak 199 kes varian Delta telah dikesan dalam komuniti. Varian Delta ini telah menyebabkan kadar jangkitan virus yang lebih cepat, agresif, dan kurang menunjukkan respon terhadap rawatan yang diberikan.

Oleh itu, KKM menasihatkan orang ramai supaya sentiasa patuh dan kekal mengamalkan langkah-langkah pencegahan, mematuhi Prosedur Operasi standard (SOP) dan mendapatkan vaksinasi COVID-19. Dijangkakan kes akan mula menurun pada akhir bulan Ogos apabila lebih daripada 40 peratus populasi di Malaysia mendapat dos lengkap vaksin.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu dan dapatkan imunisasi COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

6 Ogos 2021 @ 7:15 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 6 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	8,792 (3)	451,366
WP KUALA LUMPUR	2,483 (10)	136,071
JOHOR	1,275	97,962
SABAH	1,291	91,201
SARAWAK	652	80,174
NEGERI SEMBILAN	986	76,753
KEDAH	1,371	53,474
PULAU PINANG	776	50,715
KELANTAN	938	47,633
PERAK	624	42,289
MELAKA	491	34,644
PAHANG	610	27,809
TERENGGANU	460	19,673
WP LABUAN	9	9,707
WP PUTRAJAYA	122	4,359
PERLIS	9	765
JUMLAH KESELURUHAN	20,889 (13)	1,224,595

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 158 kes kematian pada 6 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL KES	JANTIN A		KEWARGANEGARAAN		TEMPAT KEMATIAN		SEJARAH PENYAKIT
		L*	P*	WN**	BWN**	HOSPITAL	BID***	
SELANGOR	51	30	21	39	12	35	16	33
JOHOR	32	22	10	32	-	30	2	29
KEDAH	22	13	9	22	-	22	-	15
WP KUALA LUMPUR	17	9	8	12	5	16	1	8
NEGERI SEMBILAN	14	4	10	13	1	13	1	14
PAHANG	6	4	2	6	-	5	1	6
SABAH	5	3	2	5	-	2	3	3
MELAKA	4	2	2	4	-	4	-	4
TERENGGANU	4	1	3	4	-	4	-	4
PERAK	3	3	-	3	-	3	-	3
PULAU PINANG	2	-	2	2	-	2	-	2
JUMLAH	160	91	69	142	18	136	24	121

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 20,889 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 6 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	8,792	400	5,769	3	2,620
WP KUALA LUMPUR	2,483	222	1,199	10	1,052
KEDAH	1,371	37	822	-	512
SABAH	1,291	70	774	-	447
JOHOR	1,275	318	634	-	323
NEGERI SEMBILAN	986	111	373	-	502
KELANTAN	938	230	499	-	209
PULAU PINANG	776	122	351	-	303
SARAWAK	652	121	310	-	221
PERAK	624	106	266	-	252
PAHANG	610	75	407	-	128
MELAKA	491	89	268	-	134
TERENGGANU	460	42	282	-	136
WP PUTRAJAYA	122	3	93	-	26
WP LABUAN	9	-	6	-	3
PERLIS	9	-	6	-	3
JUMLAH KESELURUHAN	20,889	1,946	12,059	13	6,871

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 6 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Batu Sebelas Cheras	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	91	109
2	Tapak Bina Jalan Kajang East	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	21	81
3	Jalan Dua Sungai Lang	Tempat Kerja	Selangor	Sabak Bernam	19	56
4	Jalan Pekeliling Sepang	Tempat Kerja	Selangor	Sepang dan Petaling	15	19
5	Industri Jalan Kamunting	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	15	37
6	Jalan Bestari Tujuh	Tempat Kerja	Johor	Johor Bharu dan Kota Tinggi	122	213
7	Perindustrian Firma Dua	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	31	287
8	Perindustrian Tahana	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	24	132
9	Industri Keluli Lapan	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	18	65
10	Perindustrian Jalan Kelapa Sawit Kulai	Tempat Kerja	Johor	Kulai	16	184
11	Kampung Cabang Tiga Kedai Buloh	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu dan Tumpat	11	25
12	Seksyen Satu Bandar Pasir Mas	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Mas dan Kota Bharu	8	56
13	Jalan Jelawai Satu	Tempat Kerja	Perak	Muallim	9	22
14	Jalan Jelutong Malim	Tempat Kerja	Perak	Muallim	7	39
15	Tapak Bina Lebuhraya Kampung Jawa	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Barat Daya	41	158
16	Jalan Bukit Tengah	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	23	458
17	Tapak Bina Puteh Lama 2	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	53	170

18	Jalan Tengku Ismail Temerloh	Tempat Kerja	Pahang	Temerloh	31	73
19	Industri Jalan PK 32	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	27	208
20	Kampung Takel Luar Labok	Komuniti	Kelantan	Machang	28	41
21	Kampung Tanjung Stan	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	14	31
22	Kampung Slow Mengkuang	Komuniti	Kelantan	Kuala Krai dan Kota Bharu	12	23
23	Kampung Kubang Kiat	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	11	18
24	Kampung Seratau	Komuniti	Sarawak	Kuching	392	1,084
25	Kampung Jawa Kuching	Komuniti	Sarawak	Kuching	53	109
26	Kampung Perlok Baru	Komuniti	Perak	Batang Padang	51	117
27	Rumah Awam Tiga	Komuniti	Perak	Muallim	18	95
28	Banggol Tok Jiring	Komuniti	Terengganu	Kuala Nerus, Kuala Terengganu, dan Kemaman	134	1,216
29	Batu 23	Komuniti	Selangor	Sabak Bernam dan Petaling	19	37
30	Sungai Panching Selatan	Komuniti	Pahang	Kuantan	73	397
31	Dah Kampung Siputeh	Komuniti	Kedah	Kubang Pasu	28	47
32	Lorong Jelutong	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Klang	21	34
33	Batu Tujuh Setengah	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Gombak	11	41
34	Jalan Dusun Empat	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kelantan	Kota Bharu	8	13

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 5 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
KELANTAN	1.29
PERAK	1.23
PULAU PINANG	1.21
TERENGGANU	1.20
KEDAH	1.17
SABAH	1.17
JOHOR	1.14
WP KUALA LUMPUR	1.11
SARAWAK	1.09
MELAKA	1.09
PAHANG	1.09
SELANGOR	1.08
WP PUTRAJAYA	1.01
NEGERI SEMBILAN	0.98
WP LABUAN	0.64
PERLIS	0
JUMLAH KESELURUHAN	1.08